

28/10/1998

Kemelut boleh diatasi ikut saluran

Kaum Jati Jawa

KAMI adalah generasi dari berjuta rakyat Malaysia berketurunan negara seberang tulen. Semenjak keluarga kami memasuki Malaysia, mereka berbakti di negara ini dengan membuka perkampungan baru untuk bertani. Sebagai pekebun kecil, kami menyumbang kepada negara dengan mengeluarkan hasil pertanian seperti getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain sumber. Malah perkampungan yang dibuka kini menjadi pekan dan ada sesetengahnya menjadi bandar.

Di Malaysia kami keturunan Indonesia diberi status yang sama seperti rakyat Malaysia lain. Kami bebas melakukan kegiatan kami sama ada dalam bidang perekonomian, sosial, agama dan adat resam kami. Peluang sememangnya terbuka untuk kami ceburi pelbagai bidang. Pemerintahan terutamanya di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan segala kemudahan termasuk biasiswa untuk generasi kami melanjutkan pelajaran. Ramai di antara kami menjawat jawatan tinggi sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Malah sebilangan daripada kami dinaikkan martabatnya hingga bergelar jutawan. Manakala sesetengahnya berjaya di bidang politik sehingga sebagai penggubal dasar kerajaan di Parlimen.